

10/03/2004

Pemuda Umno sedia gempur lawan

Azman Zakaria

PADA ketika pemusatan rakyat kini lebih kepada pemilihan calon yang bakal bertanding pada Pilihan Raya Umum 21 Mac ini, Pergerakan Pemuda Umno menumpukan kepada usaha mengawal kubu dan 'menggempur' kawasan pihak lawan.

"Soal calon biar pucuk pimpinan tentukan, kita mahu fokus 100 peratus menggerakkan jentera pilihan raya Pemuda." Itulah mesej Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Abd Aziz Sheikh Fadzir kepada anggota Pemuda Umno, ketika ditemui semalam.

Pemuda Umno menjangkakan pembangkang akan memainkan isu emosi untuk menarik sokongan rakyat terutama pengundi baru yang berjumlah kira-kira 800,000 orang serta pengundi atas pagar, berdasarkan bahawa kini tiada isu besar yang boleh dieksploitasi oleh mereka.

Abd Aziz menyatakan pembangkang yang ketandusan isu akan menggunakan kaedah surat layang untuk melakukan fitnah dan sabotaj terhadap jentera parti Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata, perkara itu pernah berlaku pada pilihan raya umum dan beberapa pilihan raya kecil lalu, dan dijangka akan berlaku lagi kali ini.

Katanya, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Pas akan cuba menerbitkan material berunsur fitnah yang dibuat seolah-olah datangnya daripada BN atau Umno seperti menggunakan logo atau cop Umno, untuk menimbulkan kemarahan rakyat.

"Kita akan dedahkan perkara itu bila sampai masanya," katanya.

Justeru, beliau berkata jentera Pemuda Umno diberitahu supaya berwaspada untuk menangkis serangan fitnah itu.

Pemuda Umno membuat persediaan intensif sejak enam bulan lalu bagi menghadapi pilihan raya umum ini, dengan menubuhkan sembilan unit yang masing-masing menjalankan peranan khusus.

Unit itu adalah Unit Logistik dan Undang-undang Pilihan Raya; Unit Bahan Pilihan Raya; Unit Penceramah; Unit Penambahan Keahlian Pemuda; Unit Pendaftaran Ahli Pemuda Sebagai Pengundi; Unit Risikan dan Perang Saraf; Unit Keselamatan-Bermotor; Unit Pemantauan Pembangkang dan Unit Advert dan Promosi.

Unit ini yang telah digerakkan ke peringkat akar umbi, diselaraskan oleh Pusat Arahan Bersepadu Pemuda Umno yang beroperasi 24 jam sejak 4 Mac lalu.

Pusat perkhidmatan berpusat yang pertama kali diwujudkan dalam sejarah Pemuda itu akan membantu keseluruhan jentera pilihan raya Umno dan BN di semua bahagian di seluruh negara.

Sejumlah 2,200 petugas Pemuda akan bertanggungjawab memastikan kelancaran operasi pusat berkenaan, dengan dibantu oleh 640,000 anggota Pemuda di seluruh negara yang akan bertindak memberikan khidmat sokongan terbaik kepada Ibu pejabat.

"Sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) juga digunakan dan dihantar antara petugas untuk menaikkan terus semangat mereka," katanya yang turut menjelaskan bahawa jentera Pemuda mengenal pasti pengundi baru dan menjejaki golongan pengundi atas pagar.

Katanya, dengan pasukan jentera Pemuda yang hampir sama seperti pilihan raya umum lalu, memberikan kelebihan kepada Pemuda bergerak berdasarkan pengalaman.

Tambahan pula, gabungan kedua-dua sayap Pemuda Umno dan Puteri Umno dalam gerak kerja bersama memudahkan pergerakan jentera Pemuda dan Puteri.

Seramai 2,430 penceramah disediakan untuk membantu kempen dengan 930 penceramah di bawah program Pemuda manakala 1,500 orang di bawah Puteri.

"Sebahagian besar kempen bertumpu kepada isu tempatan mengikut kawasan. Saya tak nampak isu besar, cuma isu setempat bakal dimainkan pembangkang seperti berhubung infrastruktur," katanya.

Katanya, Pemuda Umno menumpukan perhatian jenteranya di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Pahang.

"Dalam menangkis hujah Pas terutama penceramah yang berlatarbelakangkan agama juga ditampilkan khususnya di Kelantan dan Terengganu," katanya.

Malah, Pemuda turut menerbitkan buku Info Pemuda setebal 178 halaman sebagai sumber maklumat dan rujukan berguna kepada semua ahli Pemuda Umno, khususnya penceramah.

Buku itu yang dilancarkan Ketua Penerangan Umno, Datuk Megat Junid Megat Ayob semalam, membentangkan pelbagai fakta, hujah dan perangkaan yang mengupas isu semasa secara tepat dan berkesan, termasuk berkaitan agama yang menangkis dakwaan dan hujah pembangkang.

Ungkapan oleh Abd Aziz bahawa mereka tidak akan mempersoalkan perkara berhubung calon, menggambarkan kematangan Pemuda.

"Meskipun mungkin ada yang menyimpan hasrat bertanding akan kecewa kerana tidak terpilih, keutamaan adalah kepada parti. Kita tidak akan lari, kita tidak benarkan kekecewaan merosakkan parti. Kita telah matang dan tidak mahu ada gangguan dalaman dalam parti," katanya.

Beliau berkata, walaupun ada yang berpendapat, pilihan raya kali ini adalah pilihan raya untuk generasi baru yang bakal mengambil alih pimpinan negara satu hari nanti, tetapi hal calon adalah hak Perdana Menteri.

Dengan senario politik yang cukup baik pada masa ini, Pemuda berkeyakinan generasi muda bakal memberi sokongan padu kepada BN.

Menurutnya, generasi muda telah menyedari bahawa isu seperti 'Kempen Bebaskan Anwar' pada 1999 tidak akan membawa negara ke mana-mana, kerana hanya BN yang boleh mempertahankan dan membawa negara serta generasi muda ke mercu kejayaan.

"Minda generasi pemuda kini berubah kepada menyokong BN kerana yakin BN saja berupaya memperkasa bangsa dan negara," katanya.

Dengan perwatakan lembut dan latar belakang agama yang dimiliki Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Abd Aziz berkata rakyat termasuk pengundi muda juga mudah menerima Abdullah.

"Oleh itu, saya percaya dan berkeyakinan generasi muda akan memberi sokongan padu untuk membolehkan BN menerima mandat yang lebih besar pada pilihan raya umum lalu untuk Perdana Menteri meneruskan kesinambungan usaha Tun Dr Mahathir Mohamad," katanya.